

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 27 JULAI 2020

SOALAN

YB. PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana kesan akibat COVID-19 kepada sektor pelancongan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk membantu pengusaha-pengusaha dalam sektor pelancongan, terutamanya sektor pelancongan di daerah pedalaman Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 yang bermula sejak bulan Januari 2020 telah menyebabkan Kerajaan mengambil langkah untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP yang berkuatkuasa pada 18 Mac 2020. Susulan itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah mengumumkan pembatalan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan serta-merta. Ini telah memberi kesan ke atas industri pelancongan negara dan menjejaskan banyak perniagaan dalam sektor-sektor berkaitan seperti penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman, dan penganjuran acara-acara perniagaan atau *MICE-Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions*. Sehingga Jun 2020, MOTAC menganggarkan kerugian sebanyak RM45 bilion bagi sektor-sektor ini.

2. Bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan aktiviti penggiat industri pelancongan tempatan termasuk di Negeri Sabah, Kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi, antaranya adalah PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA. Antara insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi bagi membantu meringankan beban penggiat industri pelancongan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi PKS sektor pelancongan;
- (ii) Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) Pelanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;

NO. SOALAN : 42

- (iv) Program Subsidi Upah di mana bayaran RM600 sebulan bagi setiap pekerja dilanjutkan selama 3 bulan lagi sehingga 30 September 2020;
 - (v) Inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti kempen Mikro dan PKS E-Dagang, Skim Pembiayaan PKS PENJANA, Program Pembiayaan Mikro PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
 - (vi) Potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan;
 - (vii) Penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama 6 bulan; dan
 - (viii) Pemberian diskaun sehingga 50% ke atas bil elektrik.
3. Tambahan kepada insentif tersebut, antara inisiatif khusus yang ditawarkan oleh MOTAC adalah:
- (i) pelaksanaan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia atau ATTIM dan *Malaysian Tourist Guide Council* atau MTGC bermula bulan Mei sehingga November 2020 kepada kumpulan pemandu pelancong berlesen yang akan tamat tempoh lesen pemanduan bermula bulan April sehingga Disember 2020;
 - (ii) pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 atau Akta 482 bermula 17 Mac hingga 31 Disember 2020;

NO. SOALAN : 42

- (iii) pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40% kepada semua pengusahaan pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang dikenakan kompaun oleh Kementerian sebelum 31 Disember 2020;
- (iv) pelanjutan tempoh bayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen;
- (v) pengecualian kompaun kepada pengusahaan pelancong dan pemandu pelancong yang gagal memperbaharui lesen dalam tempoh yang ditetapkan disebabkan oleh PKP dengan syarat permohonan lengkap perlu dikemukakan dalam tempoh 60 hari selepas tamat tempoh PKP; dan
- (vi) bantuan dalam bentuk geran sepadan yang dikenali sebagai Galakan Melancong Malaysia (GAMELAN) bagi menjalankan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran domestik untuk membantu penggiat industri pelancongan tempatan.

4. Selain itu, MOTAC turut bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah, Lembaga Pelancongan Sabah serta penggiat industri pelancongan di Sabah dalam usaha memulihkan industri pelancongan di Sabah menerusi publisiti dan promosi seperti:

- (i) menganjurkan webinar dengan menjemput para penggiat industri pelancongan bagi menjadi ahli panel. Antaranya ialah Program Sembang Santai Bersama Penggiat Industri Pelancongan dan Rakan Media "Siri 3: Kota Belud, Destinasi Pelancongan Millennial" yang disiarkan secara langsung pada 7 Julai 2020 pada laman Facebook rasmi Tourism Malaysia. Program ini diadakan secara bersiri dan memaparkan destinasi pelancongan berpotensi yang terpilih di negeri-negeri yang berlainan;

NO. SOALAN : 42

- (ii) promosi melalui laman media sosial dan digital melalui laman web Tourism Malaysia dan Youtube serta media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram;
- (iii) promosi melalui media elektronik milik kerajaan dan swasta. Sebagai contoh, promosi di rangkaian radio dan rancangan TV milik RTM seperti program Selamat Pagi Malaysia dan Sabah FM. Pemilik agensi dan pengusaha produk pelancongan di Sabah diberi peluang untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan serta destinasi-destinasi menarik yang tersedia bagi pelancongan domestik bermula 10 Jun 2020; dan
- (iv) menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan yang terdapat di negeri-negeri kepada pelancong melalui Pejabat Wilayah Tourism Malaysia dan 19 buah *Tourism Information Centre* (TIC) di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.